

Doktrin Permusuhan antara Sahabat dan Ahl al-Bayt dalam Karya-karya Syiah Berbahasa Melayu: Satu Analisis Ringkas

Mohd Aizam Mas'od¹
Mohd Fauzi Hamat²

Abstrak

Konsep keadilan sahabat dari perspektif karya-karya Syiah Melayu adalah bersamaan dengan doktrin asal Syiah Imamiyyah Ithna 'Ashariyyah. Hukum mengenai keadilan para sahabat adalah sepertimana hukum ke atas selain mereka. Gelaran sahabat semata-mata tidak boleh menjadikan mereka adil secara langsung dan kebal daripada sebarang penilaian dan kritikan. Syiah meletakkan kecintaan dan permusuhan sahabat terhadap Ahl al-Bayt sebagai kayu ukur utama bagi menilai keadilan mereka. Artikel ini digarap bagi menganalisis doktrin permusuhan antara sahabat dan Ahl al-Bayt tersebut berdasarkan perspektif Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Menerusi metod dokumentasi dalam kaedah pengumpulan data, kajian ini merujuk kepada beberapa buah karya Syiah Melayu terpilih. Manakala metod komperatif digunakan dalam menganalisis data dengan membuat perbandingan hujah antara Syiah dan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Secara umumnya, karya-karya Syiah berbahasa Melayu menukilkan pelbagai riwayat bagi menggambarkan penolakan golongan Ahl al-Bayt terutamanya 'Ali dan para pendukungnya terhadap kekhalifahan Abu Bakr, 'Umar dan 'Uthman. Bertitik tolak dari situ, mereka mencetuskan pelbagai teori yang bertujuan untuk membina persepsi permusuhan dan persengketaan antara Ahl al-Bayt dengan para sahabat. Antaranya teori konspirasi sulit para sahabat untuk menguasai kepimpinan daripada jatuh ke tangan Ahl al-Bayt, teori hasad dan dengki terhadap keutamaan 'Ali dan Ahl al-Bayt, teori permusuhan antara Bani Hashim dan Bani Umayyah dan lain-lain.

Kata Kunci: Doktrin permusuhan, para sahabat, Ahl al-Bayt, karya-karya Syiah berbahasa Melayu, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

¹ Mohd Aizam Mas'od, Calon PhD Usuluddin di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

² Mohd Fauzi Hamat (PhD), Profesor Madya di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

Abstract

The concept of justice of the companions from the perspective of Malay Syiah works is equivalent to the original doctrine of Shi'ah Imamiyyah Ithna 'Ashariyyah. The law of the justice of the companions is as the law goes on besides them. The mere title of a companion can not make them fairly directly and immune from any judgment and criticism. Syiah place their love and hostility towards Ahl al-Bayt as the primary measure for their fairness. Thus, this article is authored to analyze the doctrine of hostility between companions and Ahl al-Bayt based on Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah's perspective. Using a qualitative approach, this study is based on two methods of assessment, namely data collection and data analysis. Through the method of documentation in the method of data collection, this study refers to several selected Malay Shiite works. Whereas comparative methods are used in analyzing data by comparing the arguments between Shiite and Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. In general, The Malay Syiah works outlined various narrations to illustrate the rejection of the Ahl al-Bayt, especially Alī and its supporters of the Caliphate of Abu Bakr, 'Umar and 'Uthman. Starting from that, they sparked various theories aimed at creating the perception of hostility and dispute between Ahl al-Bayt and his companions. Among them are the secret conspiracy of the companions to dominate leadership rather than fall into the hands of Ahl al-Bayt, the theory of envy of the priorities of 'Ali and Ahl al-Bayt, the theory of enmity between Bani Hashim and Banī Umayyah and others.

Keywords: The doctrine of hostility, the companions, Ahl al-Bayt, Malay Syiah works, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

PENDAHULUAN

Para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah berijmak bahawa kesemua para sahabat itu adil. Ijmak tersebut dinukilkan oleh ramai ulama seperti Ibn 'Abd al-Barr³, al-Khatib al-Baghdadi⁴, al-Qurtubi⁵, Ibn al-Athir⁶, al-Ghazali⁷, al-Nawawi⁸, Ibn al-Salah⁹, al-Maqdisi¹⁰, Ibn Hajar¹¹ dan lain-lain. Nukilan ijmak daripada para ulama menunjukkan bahawa keadilan para sahabat adalah sesuatu yang diterima umum oleh umat Islam daripada

³ Yūsuf bin 'Abd Allah bin 'Abd al-Barr, *al-Isti'ab fi Ma'rifah al-Sahabah* (Beirut: Dar al-Jil, 1412h), 1: 19.

⁴ Abū Bakr al-Khatib al-Baghdadi, *al-Kifayah fi 'Ilm al-Riwayah* (Madinah: al-Maktabah al-'Ilmiyyah, t.t), 49.

⁵ Yūsuf bin 'Abd Allah al-Qurtubi, *al-Istidhkar al-Jami' li Madhahib Fuqaha' al-Amsar* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000), 3: 301.

⁶ Al-Mubarak bin Muhammad bin al-Athir, *Jami' al-Usul fi Ahadith al-Rasul* (Damsyik: Maktabah Dar al-Bayan, 1969), 1: 133.

⁷ Abū Hamid al-Ghazali, *al-Mustasfa fi 'Ilm al-Usul* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1413h), 130.

⁸ Yahya bin Sharaf al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi* (Beirut: Dar Ihya' al-Turath 'Arabi, 1392), 15: 149.

⁹ 'Uthman bin 'Abd al-Rahman al-Shahrazūri, *Muqaddimah Ibn al-Salah fi 'Ulūm al-Hadith* (Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir, 1977), 295.

¹⁰ 'Abd Allah bin Qudamah al-Maqdisi, *Rawdah al-Nazir wa Jannah al-Manazir* (Riyad: Jami'ah al-Imam Muhammad bin Sa'ūd, 1399h), 118.

¹¹ Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani, *al-Isabah fi Tamyiz al-Sahabah* (Beirut: Dar al-Jil, 1992), 1: 9.

generasi salaf sehingga kini tanpa sebarang pertikaian. Menurut Ibn Hajar, tidak ada yang berselisih pendapat tentang hal ini kecuali segelintir orang yang digelar sebagai ahli *bid'ah*, maka wajib bagi setiap muslim untuk meyakini sifat sahabat tersebut kerana telah ditetapkan bahawa seluruh sahabat adalah ahli syurga, tiada seorang pun daripada kalangan mereka yang akan masuk ke neraka¹². Walau bagaimanapun, Syiah Imamiyyah Ithna 'Ashariyyah menolak konsep keadilan para sahabat sebagaimana yang dipegang oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Ia berasaskan alasan, sebahagian besar para sahabat telah menzahirkan permusuhan kepada Ahl al-Bayt sehingga menyebabkan sifat keadilan ternafi pada diri mereka. Justeru itu, artikel ini akan menganalisis pandangan Syiah Imamiyyah Ithna 'Ashariyyah mengenai permusuhan antara para sahabat dan Ahl al-Bayt menerusi beberapa karya Syiah Melayu terpilih. Tiga buah karya yang diteliti iaitu *Meniti Titian Kebenaran: Menyingkap Kebenaran Mazhab Rasul dan Ahlul Bait*¹³ karangan Khair Izzah, *Perempuan Nan Bercinta*¹⁴ karangan Faisal Tehrani dan *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*¹⁵ karangan A. Malik Takim. Dua daripadanya iaitu karya Khair Izzah dan Faisal Tehrani telah dikenakan perintah larangan oleh Kementerian Dalam Negeri, masing-masing pada 9 Januari 2014, No. Warta P.U. (A) 13 dan 22 April 2014, No. Warta P.U. (A) 111. Sebab utama larangan adalah kerana mempromosikan fahaman Syiah yang bertentangan pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang menjadi anutan rasmi di Malaysia.¹⁶

DOKTRIN PERMUSUHAN ANTARA SAHABAT DAN AHL AL-BAYT

Kayu ukur utama bagi Syiah Imamiyyah Ithna 'Ashariyyah untuk menilai keadilan seseorang sahabat adalah melihat kepada sejauh mana kecintaan atau permusuhan mereka terhadap Ahl al-Bayt. Ini kerana, mencintai Ahl al-Bayt merupakan suatu kefarduan yang telah ditetapkan di dalam al-Qur'an.¹⁷ Justeru, antara kaedah penilaian keadilan sahabat yang digunakan oleh Khair Izzah adalah melihat kepada sejauhmana kecintaan atau permusuhan mereka terhadap Ahl al-Bayt. Ia berdasarkan firman Allah SWT:

قُلْ لَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا إِلَّا الْمَوَدَّةَ فِي الْقُرْبَىٰ

Terjemahan:

“(Katakan wahai Muhammad): Sesungguhnya aku tidak meminta upah (dari ajaran Islam yang aku bawa ini), (yang aku minta) melainkan cinta kasih kepada al-Qurba...”¹⁸

Surah al-Shura(42): 23

Menurut Khair Izzah, kitab-kitab tafsir Ahl al-Sunnah seperti Tafsir Ibn Kathir, Tafsir al-Tabari, Tafsir al-Qurtubi, Tafsir al-Durr al-Manthūr, Tafsir al-Nasafi, Tafsir Fath

¹² *Ibid.*, 10-12.

¹³ Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, (t.t.p. : Al-Muntazar Resources, 2011).

¹⁴ Faisal Tehrani, *Perempuan Nan Bercinta*, Kuala Lumpur: ITBM, 2012.

¹⁵ A. Malik Takim, “Dialog Tertutup Ahlus Sunnah Waljamaah dan Syiah bertajuk: Perbezaan-perbezaan Aqidah Ahlus Sunnah Waljamaah dengan Aqidah Syiah berdasarkan al-Quran”, *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*, 18 Mac 2013.

¹⁶ “Senarai Perintah Larangan”, Kementerian Dalam Negeri, <http://epq.kdn.gov.my/epq/index.php?mod=public&opt=pl>. 15 Mei 2015.

¹⁷ Muhammad Sanad, *Adalah al-Sahabah* (Beirut: Dar al-Mahajjah al-Bayda', 2004), 211.

¹⁸ Rujuk terjemahan Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 427.

al-Qadir dan Tafsir Fakhr al-Razi telah menukilkan riwayat Ibn ‘Abbas yang menjelaskan maksud *al-qurba* dalam ayat tersebut adalah Ahl al-Bayt. Beliau menukilkan riwayat Ibn ‘Abbas bahawa setelah turun ayat ini, para sahabat bertanya Rasulullah SAW tentang siapakah *al-qurba* yang diperintahkan untuk dicintai. Baginda SAW menjawab bahawa mereka adalah ‘Ali, Fatimah dan anak daripada kedua-duanya iaitu Hasan dan Husayn serta keturunan mereka.¹⁹

A. Malik berpendapat, mencintai keluarga Nabi SAW iaitu Fatimah, Hasan, Husayn dan dua belas imam maksum merupakan *mawaddah* yang sebenarnya sebagaimana yang disebut dalam ayat di atas. Ia berbeza dengan maksud *mahabbah*.²⁰ Oleh itu wajib setiap orang muslim itu untuk mencintai ‘Ali dan para imam daripada keturunannya berbanding mencintai orang lain bahkan dirinya sendiri. Hal ini sebaliknya tidak berlaku kepada golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah. Ini kerana, Ahl al-Sunnah mencintai para sahabat sehingga menjatuhkan hukum kafir terhadap sesiapa yang mendedahkan kesalahan para sahabat melalui kajian ilmiah. Bani Umayyah mengangkat darjat para sahabat Nabi SAW melebihi darjat Ahl al-Bayt. Buktinya apabila mereka berselawat kepada Rasulullah SAW, mereka panjangkan selawat itu kepada para sahabat tanpa mengira sama ada sahabat yang taat mahupun yang derhaka.²¹

Khair Izzah memberikan beberapa contoh yang menunjukkan permusuhan para sahabat terhadap Ahl al-Bayt. Antaranya Mu‘awiyah yang didakwa merupakan salah seorang sahabat Nabi SAW yang diagung-agungkan oleh penganut Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah. Khair Izzah mempersoalkan bagaimana Mu‘awiyah boleh diangkat sebegitu tinggi sedangkan beliau adalah orang yang bertanggungjawab memerintahkan umat Islam supaya mengutuk ‘Ali bin Abi Talib. Hal ini melambangkan kebencian Mu‘awiyah terhadap ahli keluarga Nabi SAW dan bertentangan dengan perintah Rasulullah SAW agar mengasihi Ahl al-Bayt.²²

Antara hadis-hadis yang menegaskan larangan memusuhi Ahl al-Bayt adalah seperti hadis Abu ‘Abd Allah al-Jadali daripada Ummu Salamah yang meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Sesiapa yang mengutuk ‘Ali, maka sesungguhnya ia telah mengutuk diriku.”²³ Begitu hadis ‘Ali bahawa Nabi SAW telah berjanji kepadanya, “Tidak mencintaiku melainkan ia seorang mukmin dan tidak membenciku melainkan ia seorang munafiq.”²⁴ Khair Izzah turut membawakan hadis yang didakwa bersumberkan rujukan Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah berbunyi:

إن الله عهد إلي من خرج علي علي فهو كافر في النار

Terjemahan:

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ A. Malik, *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*, 140.

²¹ *Ibid.*, 143.

²² Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 363.

²³ Hadis riwayat al-Nasa‘i, Kitab al-Khasa‘is, Bab Zikr Qawl al-Nabi Man Sabba ‘Aliyan faqad Sabbani, no. hadis: 8476. Lihat, Ahmad bin Shu‘ayb al-Nasa‘i, *al-Sunan al-Kubra* (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1991), 5: 133; Ahmad bin Hanbal, *Musnad al-Imam Ahmad*, no. hadis: 26791 (Kaherah: Mu‘assasah Qartabah, 2011), 6: 323. Shu‘ayb al-Arna‘ut berkata: “Sanad hadis ini sahih.”; al-Hakim, Kitab Ma‘rifah al-Sahabah, Bab Zikr Amir al-Mu‘minin Ali radiya Allahu ‘anh, no. hadis: 4615. Lihat *al-Mustadrak ‘ala al-Sahihayn*, 3: 120.

²⁴ Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Fada‘il, Kitab al-Iman, Bab al-Dalil ‘ala anna Hubb al-Ansar wa ‘Ali min al-Iman wa ‘Alamatih wa Bughdihim min ‘Alamat al-Nifaq, no. hadis: 78. Lihat *Sahih Muslim*, 1: 86.

“Sesungguhnya Allah telah berjanji kepadaku bahawa sesiapa yang memerangi ‘Ali, maka ia telah kafir dan tempatnya di neraka.”²⁵

Berdasarkan hadis-hadis tersebut, mana-mana para sahabat yang terlibat dalam permusuhan dengan Ahl al-Bayt tidak boleh dikategorikan sebagai adil. Bahkan ia adalah salah satu sikap orang kafir-munafik. Mengutuk ‘Ali merupakan kutukan ke atas Rasulullah SAW. Mengutuk Rasulullah SAW bermakna mengutuk Allah SWT. Kesimpulannya, sahabat seperti Mu‘awiyah termasuk dalam kategori kafir-munafik di sisi Rasulullah SAW. Sementara hukuman bagi golongan kafir-munafik di sisi Allah SWT adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Qur’an²⁶:

بَشِّرِ الْمُنَافِقِينَ بِأَنَّ لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿٧٨﴾

Terjemahan:

“Sampaikanlah khabar berita kepada orang-orang munafik: Bahawa sesungguhnya disediakan untuk mereka azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”

Surah al-Nisa’(4): 138

A. Malik pula berhujah dengan firman Allah SWT:

وَإِذْ قُلْنَا لَكَ إِنَّ رَبَّكَ أَحَاطَ بِالنَّاسِ ۚ وَمَا جَعَلْنَا الرُّءْيَا الَّتِي أَرَيْنَاكَ إِلَّا فِتْنَةً لِلنَّاسِ
وَالشَّجَرَةَ الْمَلْعُونَةَ فِي الْقُرْآنِ ۚ وَخُوفُهُمْ ۚ فَمَا يَزِيدُهُمْ إِلَّا طُغْيَانًا كَبِيرًا ﴿٦٠﴾

Terjemahan:

“Dan (ingatlah) ketika Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad), bahawa sesungguhnya Tuhanmu meliputi akan manusia (dengan ilmu-Nya dan kekuasaan-Nya dan tiadalah Kami menjadikan pandangan (pada malam Mikraj) yang telah kami perlihatkan kepadamu melainkan sebagai satu ujian bagi manusia dan (demikian juga Kami jadikan) pokok yang dilaknat di dalam al-Qur’an dan Kami beri mereka takut (dengan berbagai-bagai amaran) maka semuanya itu tidak menambahkan mereka melainkan dengan kekufuran yang melampau.”

Surah al-Isra’(17): 50

Berdasarkan tafsir al-Tha‘labi dan Fakhr al-Din al-Razi, A. Malik mengatakan bahawa *al-ru’ya* yang dimaksudkan dalam ayat tersebut adalah mimpi Rasulullah SAW melihat beberapa ekor monyet naik dan turun di atas mimbar Baginda. Manakala perkataan *al-shajarah al-mal‘ūnah* pula merujuk kepada pemimpin Bani Umayyah seperti Abū Sufyan dan Mu‘awiyah. Jelas berdasarkan ayat tersebut, seseorang yang membunuh seorang beriman dengan sengaja, ia berhak menerima kutukan dan tempat tinggalnya adalah neraka. Sejarah telah mencatatkan bahawa Mu‘awiyah terlibat secara langsung

²⁵ Penulis menukilkan hadis ini daripada kitab *Mawaddah al-Qurba* karangan al-Hamadani. Lihat Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 365.

²⁶ Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 365-366.

dalam pembunuhan Hasan bin 'Ali. Beliau telah berjanji dengan seorang wanita bernama Asma' Ju'da untuk mengahwinkannya dengan anaknya, Yazid dan membayar sebanyak seratus ribu dirham jika berjaya meracuni Hasan bin 'Ali. Ini berdasarkan catatan kitab-kitab sejarah karangan al-Mas'ūdi, Ibn 'Abd al-Barr, Abu al-Faraj al-Isfahani, Muhammad bin Sa'd, Ibn al-Jawzi dan para ulama Sunni yang lain.²⁷

Antara lain yang menunjukkan ketiadaan sifat adil pada diri para sahabat adalah berkenaan isu Tanah Fadak yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada Fatimah. Ia berlaku sepuluh hari selepas Abū Bakr dilantik menjadi khalifah di Saqifah Bani Sa'idah. Fatimah datang menemui Abū Bakr bagi menuntut Tanah Fadak iaitu sebidang kebun di luar kota Madinah yang telah dikurniakan oleh Rasulullah SAW kepada beliau. Al-Sayūti dalam *al-Durr al-Manthūr* menafsirkan surah al-Isra' ayat 26 dengan membawakan riwayat yang menunjukkan bahawa Rasulullah SAW telah memanggil Fatimah lalu mengurniakan kepadanya Tanah Fadak. Ia sebagaimana yang dinukilkan dalam karya-karya Ahl al-Sunnah sendiri.²⁸ Ini menunjukkan Abu Bakr telah menafikan hak Tanah Fadak yang sepatutnya diserahkan kepada Fatimah.

Abū Bakr dan 'Umar juga didakwa memungkiri janji terhadap bai'ah yang diberikan kepada 'Ali dalam peristiwa di Ghadir Khum. Karya-karya Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sendiri telah menukilkan kisah yang berlaku sejurus selepas pelantikan Abū Bakr menjadi khalifah seperti berikut:

“Sesungguhnya Abu Bakar selepas dia mengambil bai'ah untuk dirinya dengan keganasan pedang dan ugutan. Dia telah mengutus Umar, Qunfudh, Khalid bin al-Walid, Abu Ubaidah bin Jarah, Abu Rahman bin Auf, Ziyad bin Labib, Tsabit bin This bin Syamas, Muhd bin Maslamah, Salamah bin Salim bin Wakasi, Salamah bin Aslam, Zaid bin Tsabit, Usid bin Hudhair dan kumpulan-kumpulan lain seramai 100 orang menuju ke rumah Ali dan Fatimah as. Di dalam rumah Fatimah Az-Zahra terdapat sahabat-sahabat Rasulullah yang berlindung dari Abu Bakar dan Umar. Mereka tidak mengiktiraf Abu Bakar sebagai khalifah. Mereka-mereka ialah Talhah bin Ubaidillah, Zubair bin Awam, Abas bin Abdul Mutalib, Amar bin Yasir, Utha bin Abu Lahab, Salaman Al-Farisi, Abu Zhar bin al-Ghifari, Miqtad bin Aswad, Bara' bin Azip, Ubai bin Kaab dan Saad bin Abi Waqas. Umar telah mengumpulkan kayu api di pintu rumah Fatimah a.s di mana pintu itu pernah Rasulullah berdiri dan bersabda: Assalamualaikum ya Ahl Bayti nubuwwah. Baginda tidak memasukinya melainkan setelah meminta izin. Tetapi Umar membakar pintu itu dengan api selepas menerajangnya dan mengakibatkan paku tertusuk di perut Fatimah Az-Zahra lalu menyebabkan beliau keguguran dan anak yang gugur tersebut dinamakan sebagai Muhsin. Dua bulan kemudian, Fatimah pulang ke Rahmatullah.”²⁹

Kisah ini menurut A. Malik adalah sebagaimana yang dinukilkan oleh karya-karya Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah seperti al-Tabari, Ibn Kathir, Ibn Qutaybah, al-Baladhuri, al-Ya'qūbi dan al-Muttaqi al-Hindi. Ia menjadi sandaran kepada Syiah Imamiyyah Ithna 'Ashariyyah bahawa para sahabat terutama Abū Bakr dan 'Umar bukan seorang yang adil sebagaimana yang difahami oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Malah A. Malik

²⁷ A.Malik, *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*, 159-160.

²⁸ *Ibid.*, 112-113.

²⁹ *Ibid.*, 106-107.

mendakwa bahawa Abū Bakr saat menghampiri kematiannya telah menyesali perbuatannya yang memberi arahan supaya menceroboh rumah Fatimah.³⁰

Menurut Khair Izzah, dakwaan bahawa semua para sahabat telah dipersaksikan keimanan mereka di dalam al-Qur'an juga tertolak. Ini kerana, setiap kesaksian yang disebutkan dalam al-Qur'an adalah bersyarat. Sebagai contoh, apabila Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah menggunakan ayat 29 surah al-Fath untuk mengatakan semua yang bersama dengan Nabi SAW adalah adil, hal ini sangat menyimpang jauh daripada maksud al-Qur'an kerana Allah SWT pada penghujung ayat tersebut mengikat keumuman orang yang bersama Nabi SAW itu dengan amal soleh.³¹ Demikian juga ayat 18 surah al-Fath yang merupakan kesaksian atas keredaan Allah terhadap para sahabat yang terlibat dalam *Bay'ah al-Ridwan*. Kesaksian tersebut tidak boleh menjadi hujah bahawa mereka telah diredai Allah SWT buat selama-lamanya. Ini kerana, bagaimana mungkin para sahabat seperti Talhah dan Zubayr yang turut serta dalam *Bay'ah al-Ridwan* juga dianggap kekal dalam keredaan Allah SWT sedangkan mereka berdua terlibat secara langsung bersama 'A'ishah dalam perang Jamal menentang 'Ali?³²

Perbuatan menentang 'Ali yang merupakan khalifah lantikan Allah SWT dan Rasulullah membawa kepada kekufuran mereka sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh al-Hamadani dalam *Mawaddah al-Qurba* di atas. Memerangi 'Ali bermakna memerangi Rasulullah SAW sendiri. Ia sebagaimana hadis yang dikeluarkan oleh Ibn Hajar al-Haytami daripada Ummu Salamah bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"مَنْ أَحَبَّ عَلِيًّا فَقَدْ أَحَبَّنِي وَمَنْ أَحَبَّنِي فَقَدْ أَحَبَّ اللَّهَ وَمَنْ أَبْغَضَ عَلِيًّا فَقَدْ أَبْغَضَنِي وَمَنْ
أَبْغَضَنِي فَقَدْ أَبْغَضَ اللَّهَ."

Terjemahan:

"Sesiapa yang mencintai 'Ali, maka sesungguhnya ia mencintaiku, sesiapa yang membenci 'Ali, maka sesungguhnya ia membenciku. Sesiapa yang membenciku, maka sesungguhnya ia telah membenci Allah."³³

Begitu juga hadis Rasulullah SAW yang menghukum pembenci 'Ali sebagai munafik. Baginda SAW bersabda:

"لَا يُحِبُّكَ إِلَّا مُؤْمِنٌ وَلَا يَبْغُضُكَ إِلَّا مُنَافِقٌ."

Terjemahan:

"Tidak mencintaimu (wahai 'Ali kecuali orang yang beriman dan tidak membencimu kecuali orang yang munafik."³⁴

³⁰ A.Malik, *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*, 107.

³¹ Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 367-368.

³² *Ibid.*, 369-370.

³³ Hadis riwayat al-Hakim, Kitab Ma'rifah al-Sahabah radiy Allah 'anhum, Bab Dhikr Islam Amir al-Mu'minin 'Ali radiya Allah 'anh, no. hadis: 4648. Lihat *al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn*, 3: 141. Menurut al-Dhazabi dalam *al-Talkhis*, sanad hadis ini menepati syarat al-Bukhari dan Muslim.

³⁴ Al-Tirmidhi, Kitab al-Manaqib, Bab Manaqib 'Ali bin Abi Talib radiya Allahu 'anh, no. hadis: 3736. Lihat *al-Jami' al-Sahih*, 5: 643. Abū 'Isa mengatakan, hadis ini *hasan sahih*; Ahmad, *Musnad al-Imam Ahmad*, Musnad al-'Asharah al-Mubashshirin bi al-Jannah, no. hadis: 731. Lihat *Musnad al-Imam Ahmad*, 1: 95. Menurut Shu'ayb al-Arna'ūt, sanad hadis ini menepati syarat al-Bukhari dan Muslim.

Justeru, Khair Izzah menyimpulkan bahawa setiap pujian dan keredaan Allah SWT kepada seseorang manusia atau sahabat tertentu adalah berasaskan perbuatan soleh mereka. Ia bukan berdasarkan kedudukan seseorang itu secara individu. Seandainya keredaan Allah SWT bergantung kepada diri seseorang individu, maka sudah tentu semua manusia yang diseru oleh Allah SWT dengan, “*Wahai orang-orang beriman...*” tidak akan menjadi murtad selama-lamanya. Begitu juga dengan kemurkaan-Nya ke atas orang-orang kafir dengan seruan, “*Wahai orang-orang kafir...*” menyebabkan tiada seorang pun yang mungkin akan beriman. Ini amat bertentangan dengan fakta-fakta sejarah yang menunjukkan betapa ramai para sahabat yang telah menjadi kafir murtad selepas kewafatan Rasulullah SAW.³⁵

Faisal Tehrani mengatakan pandangan seumpama ini, bukan sekadar dipegang oleh golongan Shi‘ah Imamiyyah Ithna ‘Ashariyyah, malah wujud dalam mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah golongan yang berpandangan sama dinamakan *tashayyu‘ hasan*. Mereka adalah golongan Sunni yang berkecenderungan moderat terhadap Syiah kerana dikatakan memiliki kecintaan terhadap Ahl al-Bayt dan kebencian terhadap musuh-musuh Ahl al-Bayt termasuk Mu‘awiyah dan Yazid yang melakukan kezaliman terhadap Ahl al-Bayt khususnya dalam peristiwa Karbala’.³⁶

ANALISIS MENURUT AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA‘AH

Antara alasan utama Syiah Imamiyyah Ithna ‘Ashariyyah menolak keadilan para sahabat adalah kerana para sahabat didakwa membenci dan memusuhi Ahl al-Bayt atau ahli keluarga Rasulullah SAW. Sedangkan mencintai Ahl al-Bayt merupakan suatu kefarduan yang telah ditetapkan di dalam al-Qur’an. Khair Izzah berhujah menggunakan surah al-Shūrah ayat 23 sebagai dalil bahawa Allah SWT memerintahkan agar umat Islam mencintai ahli keluarga Rasulullah SAW sambil membawakan beberapa tafsiran daripada sumber Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah. Meskipun demikian, nukilan tersebut kurang tepat kerana setiap ahli tafsir menukilkan riwayat dengan komentar tertentu dan bukan semestinya sebagai hujah. Misalnya, Ibn Kathir mengatakan riwayat tersebut daif kerana terdapat seorang perawi bernama Husayn al-Ashqar yang dikenali sebagai penganut Syiah tegar, perkhabarannya tertolak dalam riwayat ini. Selain itu, ayat tersebut adalah ayat *Makkiyyah*, sedangkan Fatimah masih belum memiliki anak kerana hanya berkahwin dengan ‘Ali selepas Perang Badar pada tahun kedua hijrah.³⁷ Al-Tabari pula hanya membawakan satu sahaja riwayat yang merujuk *al-qurba* dengan maksud keluarga Nabi SAW. Namun beliau memilih riwayat-riwayat lain yang mengatakan *al-qurba* merujuk kepada kerabat Rasulullah SAW yang saling berkait dengan semua kabilah Quraysh di Makkah.³⁸

Al-Qurtubi pula membawa riwayat yang dibawa oleh Syiah di atas dengan *sighah tamrid*. Beliau memilih riwayat Ibn ‘Abbas, ‘Mujahid, ‘Ikrimah, Abū Malik dan al-Sha‘bi bahawa ayat tersebut ditujukan khusus kepada kaum Quraysh. Oleh itu maksud *al-qurba* adalah merujuk kepada hubungan kekerabatan Nabi SAW dengan semua kabilah Quraysh di Makkah.³⁹ Al-Sayuti menyebut riwayat di atas sebagai daif dan hanya dibentangkan selepas membentangkan riwayat Ahmad, Ibn Humayd, al-Bukhari, Muslim, al-Tirmidhi,

³⁵ Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 373.

³⁶ Faisal Tehrani, *Perempuan Nan Bercinta*, 104.

³⁷ Abū al-Fida’ bin Kathir, *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim* (Beirut: Dar al-Fikr, 1401H), 4: 113.

³⁸ Muhammad bin Jarir al-Tabari, *Jami’ al-Bayan fi Ta’wil Ay al-Qur’an* (Beirut: Dar al-Fikr, 1405H), 25: 26.

³⁹ Abū ‘Abd Allah al-Qurtubi, *al-Jami’ li Ahkam al-Qur’an al-Karim*, (Kaherah: Dar al-Sha‘b, t.t), 16: 21; Muhammad bin ‘Ali Al-Shawkani, *Fath al-Qadir* (Beirut: Dar al-Fikr, t.t), 4: 534.

Ibn Jarir dan Ibn Mardawayh menerusi jalur Tawus daripada Ibn ‘Abbas yang mengatakan *al-qurba* sebagai hubungan kerabat Rasulullah SAW dengan kaum Quraysh.⁴⁰ Al-Nasafi juga memahami *al-qurba* dengan maksud hubungan kekerabatan Rasulullah SAW dengan kaum Quraysh. Erti *al-qurba* yang merujuk kepada ‘Ali, Fatimah, al-Hasan dan al-Husayn hanya dinukilkan dengan *sighah tamrid*.⁴¹ Al-Razi pula mengatakan jika diterima maksud *al-qurba* sebagai Ahl al-Bayt, maka para sahabat juga termasuk dalam makna *al-qurba* berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Waqi‘ah ayat 10-11. Ini kerana, para sahabat termasuk golongan yang dipersaksikan kedekatan hubungan mereka dengan Allah SWT.⁴²

Berdasarkan penjelasan tersebut, jelas menunjukkan bahawa Syiah Imamiyyah Ithna ‘Ashariyyah telah menyelewengkan tafsiran surah al-Shūra ayat 23 semata-mata bagi menzahirkan ketaksuban terhadap Ahl al-Bayt. Hal ini berbeza dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah yang meletakkan kedudukan Ahl al-Bayt pada tempat yang selayaknya bagi mereka, tanpa perlu mengada-adakan sebarang dalil yang tidak sabit. Bagi Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah, dalil-dalil mengenai kedudukan Ahl al-Bayt telah memadai berdasarkan hadis-hadis Rasulullah SAW sebagaimana yang diriwayatkan oleh para sahabat. Antaranya hadis Zayd bin Arqam bahawa Rasulullah SAW. bersabda seperti berikut:

“...أَنَا تَارِكٌ فِيكُمْ ثَقَلَيْنِ أَوْلَهُمَا كِتَابُ اللَّهِ فِيهِ الْهُدَى وَالنُّورُ فَخُذُوا بِكِتَابِ اللَّهِ وَاسْتَمْسِكُوا بِهِ فَحَثَّ عَلَى كِتَابِ اللَّهِ وَرَغَّبَ فِيهِ ثُمَّ قَالَ وَأَهْلُ بَيْتِي أُذَكِّرُكُمْ اللَّهُ فِي أَهْلِ بَيْتِي أُذَكِّرُكُمْ اللَّهُ فِي أَهْلِ بَيْتِي أُذَكِّرُكُمْ اللَّهُ فِي أَهْلِ بَيْتِي...”

Terjemahan:

“...aku tinggalkan kepada kamu dua perkara berat, pertama daripada keduanya, Kitabullah, kamu berpeganglah dengannya. Lalu Baginda menganjurkan agar berpegang dengan Kitabullah dan mendorong kepadanya kemudian berkata: Dan ahli keluargaku, aku mengingatkan kamu kepada Allah tentang ahli keluargaku, aku mengingatkan kamu kepada Allah tentang ahli keluargaku, aku mengingatkan kamu kepada Allah tentang ahli keluargaku...”⁴³

Dalam hadis di atas, Rasulullah SAW mengingatkan umatnya dengan dua perkara berat yang ditinggalkan Baginda. Salah satu daripadanya adalah al-Qur‘an yang diperintahkan agar ia dijadikan pegangan. Kedua, adalah Ahl al-Bayt yang diperintahkan supaya dihormati dan dipelihara kedudukan dan hak-hak mereka. Namun, tiada perkataan dalam hadis tersebut yang memerintahkan agar berpegang kepada Ahl al-Bayt sebagaimana yang dipercayai oleh Syiah Imamiyyah Ithna ‘Ashariyyah. Sebaliknya, penekanan hadis tersebut lebih kepada soal pemeliharaan dan penjagaan kedudukan Ahl al-Bayt secara adil. Ia sebagaimana iktikad Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah yang berpendirian pertengahan antara golongan yang memusuhi Ahl al-Bayt hingga menafikan

⁴⁰ Jalal al-Din al-Suyūti, *al-Durr al-Manthūr* (Beirut: Dar al-Fikr, 1993), 7: 346-348.

⁴¹ Abū al-Barakat al-Nasafi, *Tafsir al-Nasafi* (Beirut: Dar al-Nafa‘is, 2005), 4: 85-86.

⁴² Fakhr al-Din al-Razi, *al-Tafsir al-Kabir* (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000), 27: 143.

⁴³ Hadis riwayat Muslim, Kitab Fada’il al-Sahabah, Bab Fada’il ‘Ali bin Abi Talib, no. hadis: 2408. Lihat *Sahih Muslim*, 4: 2408; Muhammad bin Ishaq bin Khuzaymah, *Sahih Ibn Khuzaymah* (Beirut: al-Maktab al-Islami, 1970), 4: 62.

kelebihan dan hak-hak mereka, dan golongan yang mendewa-dewakan Ahl al-Bayt hingga ke tahap menyamakan mereka dengan para nabi dan rasul.

Justeru, dakwaan Syiah Imamiyyah Ithna 'Ashariyyah mengenai permusuhan para sahabat terhadap Ahl al-Bayt adalah palsu. Terdapat banyak hujah dan dalil yang membuktikan hubungan baik dan kesefahaman antara Ahl al-Bayt dan para sahabat. Malah, tiada permusuhan peribadi yang pernah berlaku antara sesama Ahl al-Bayt dan para sahabat kecuali dalam peperangan menuntut keadilan terhadap pembunuhan 'Uthman. Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, peperangan *Siffin* yang berlaku antara 'Ali dengan Mu'awiyah, bukan dengan maksud Mu'awiyah ingin merampas kekhalifahan 'Ali atau menafikan kelebihan 'Ali, sebaliknya ia bertujuan bagi menuntut keadilan ke atas pembunuhan 'Uthman. Hal seperti ini juga terjadi sebelumnya dalam peperangan *Jamal* antara 'A'ishah, Talhah dan Zubayr dengan 'Ali. Ia bukan dengan maksud untuk menafikan kekhalifahan 'Ali, sebaliknya bagi menuntut hukuman *qisas* dilaksanakan ke atas pembunuh 'Uthman.

Adapun hadis yang dibawakan oleh Khair Izzah berbunyi, "Sesungguhnya Allah telah berjanji kepadaku bahawa sesiapa yang memerangi 'Ali, maka ia telah kafir dan tempatnya di neraka."⁴⁴ Penulis menukilkan hadis ini daripada kitab *Mawaddah al-Qurba* yang disandarkan kepada seorang ulama bermazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah iaitu al-Sayyid 'Ali bin Shihab al-Din al-Hamadani. Namun begitu, kitab *Mawaddah al-Qurba* tidak menjadi rujukan di kalangan para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sebaliknya sering menjadi rujukan para ulama Syiah Imamiyyah Ithna 'Ashariyyah. Ini memandangkan kitab tersebut banyak menukilkan riwayat-riwayat janggal yang tidak diriwayatkan di dalam mana-mana karya hadis Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah termasuk riwayat di atas.⁴⁵

A. Malik juga melakukan kaedah penghujahan yang sama apabila berdalilkan riwayat yang tidak sahih menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah berkenaan tafsiran surah al-Isra' ayat 50. A. Malik mendakwa, berdasarkan tafsir al-Tha'labi dan Fakhr al-Din al-Razi, Rasulullah SAW telah melihat dalam mimpinya Bani Umayyah yang berperangai seperti beberapa ekor monyet naik dan turun di atas mimbar Baginda. Manakala perkataan *al-shajarah al-mal'unah* pula merujuk kepada pemimpin Bani Umayyah seperti Abū Sufyan dan Mu'awiyah. Apabila dirujuk kepada kedua-dua tafsir tersebut, jelas sekali bahawa A. Malik telah mengabaikan tafsiran utama yang dipilih atau didahulukan oleh al-Tha'labi dan al-Razi. Mengenai mimpi yang dinyatakan dalam ayat tersebut, al-Razi menukilkan empat pendapat sambil mengatakan pendapat keempat adalah yang paling sahih dan dipilih kebanyakan ahli tafsir, iaitu pendapat yang mengatakan bahawa *al-ru'ya* dalam ayat tersebut merujuk kepada apa yang diperlihatkan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW pada malam *al-Isra'*.⁴⁶ Al-Tha'labi juga membawakan empat tafsiran mengenai ayat tersebut dengan meletakkan tafsiran pertama merujuk kepada apa yang diperlihatkan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW daripada tanda-tanda kebesaran dan keajaiban-Nya pada malam *al-Mi'raj*.⁴⁷

⁴⁴ Lihat Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 365.

⁴⁵ Menurut Qadirah Salim, kitab *Yanabi' al-Mawaddah* telah menyalin satu persatu ibarat dalam kitab *Mawaddah al-Qurba*. Lihat Qadirah Salim, "al-Sayyid 'Ali al-Hamadani wa Khadamatuh al-'Ilmiyyah wa al-Fikriyyah", *Majallah al-Qism al-Arabi, University of The Punjab, Lahore (19) 2012*, 149. Sebelum ini pengkaji telah nyatakan dalam Bab Dua bahawa kitab *Yanabi' al-Mawaddah* disenaraikan sebagai salah sebuah rujukan Shi'ah oleh al-Tehrani.

⁴⁶ Al-Razi, *al-Tafsir al-Kabir*, 20: 189.

⁴⁷ Ahmad bin Muhammad bin Ibrahim al-Tha'labi, *al-Kashf wa al-Bayan 'an Tafsir al-Qur'an* (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 2002), 6: 109.

Demikian juga dengan maksud *al-shajarah al-mal'ūnah* dalam ayat tersebut yang ditafsirkan oleh al-Tha'labi dengan pokok *al-zaqqūm*, tanpa menyatakan tafsiran lain.⁴⁸ Manakala al-Razi pula mentafsirkan *al-shajarah al-mal'ūnah* dengan menukulkan tiga pendapat sambil mengatakan bahawa pendapat pilihan kebanyakan ahli tafsir adalah pokok *al-zaqqūm*.⁴⁹ Ini bererti, pembentangan beberapa riwayat atau pendapat oleh seseorang ahli tafsir bukan bermakna ia berpegang kepada pendapat atau tafsiran tersebut. Di samping itu, perlu juga dinilai kekuatan sesuatu riwayat yang dikemukakan dari sudut perbahasan ilmu sanadnya. Ibn Kathir mengkritik sanad riwayat yang merujuk *al-ru'ya* sebagai mimpi Rasulullah SAW melihat Bani Umayyah yang berperangai seperti monyet di atas mimbar Baginda. Beliau mengatakan sanad hadis tersebut sangat daif kerana Muhammad bin al-Hasan bin Zabalah *matrūk*, dan gurunya juga daif secara keseluruhan. Oleh sebab itu, al-Tabari menegaskan, para ahli tafsir yang muktabar telah berijmak bahawa *al-ru'ya* merujuk kepada apa yang dilihat oleh Rasulullah SAW pada malam *al-Isra'* manakala *al-shajarah al-mal'ūnah* merujuk kepada pokok *al-zaqqūm*.⁵⁰

A. Malik terus berhujah dengan mendakwa para sahabat seperti Mu'awiyah tidak layak untuk disandarkan sifat adil. Ini kerana, beliau secara terang-terangan memerangi 'Ali dan bertanggungjawab mengarahkan pembunuhan Hasan bin 'Ali, cucu Rasulullah SAW. A. Malik mendakwa ia bersandarkan karya-karya sejarah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang ditulis oleh al-Mas'ūdi, Ibn 'Abd al-Barr, Abū al-Faraj al-Isfahani, Muhammad bin Sa'd dan Ibn al-Jawzi.⁵¹ Sedangkan dua daripada penulis yang disenaraikan bukan kalangan ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, sebaliknya merupakan ulama Syiah Imamiyyah Ithna 'Ashariyyah iaitu al-Mas'ūdi⁵² dan Abū al-Faraj al-Asfahani.⁵³ Manakala salah seorang perawi yang terkandung dalam sanad kisah tersebut adalah seorang perawi yang tertolak iaitu Yazid bin 'Iyad bin Yazid bin Ja'dabah al-Laythi. Malik mengatakan ia sangat kuat berbohong. Yahya bin Ma'in mengatakan ia daif dan tiada bernilai. Ahmad bin Salih mengatakan ia memalsukan hadis kepada orang ramai. Al-Nasa'i pula mengatakan hadisnya daif dan mungkar.⁵⁴ Justeru, kisah keterlibatan Mu'awiyah dalam pembunuhan Hasan, walaupun ia dinukilkan dalam beberapa karya ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, namun disebabkan terdapat 'illah yang berat pada perawinya, ia tertolak untuk dijadikan hujah atau sandaran.

Isu Tanah Fadak juga dijadikan hujah untuk menolak keadilan para sahabat apabila A. Malik cuba mengengahkan kisah ini bagi menunjukkan kemarahan Ahl al-Bayt iaitu Fatimah terhadap Abū Bakr. Punca permasalahan ialah Syiah Imamiyyah Ithna

⁴⁸ *Ibid.*, 111.

⁴⁹ Al-Razi, *al-Tafsir al-Kabir*, 20: 189.

⁵⁰ Al-Tabari, *Jami' al-Bayan*, 15: 113-115.

⁵¹ A. Malik, *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*, 159-160.

⁵² Beliau adalah Abū al-Hasan 'Ali bin al-Husayn bin 'Ali al-Mas'ūdi (m. 346H). Antara karyanya yang terkenal berjudul *Muruj al-Dhahab wa Ma'adin al-Jawhar* atau dikenali juga sebagai *Tarikh al-Mas'udi*. Seorang ulama Syiah Imamiyyah Ithna 'Ashariyyah yang *thiqah*. Hal ini dinukilkan oleh al-Hilli dalam *al-Khulasah*, al-Shahid al-Thani dalam *Hashiyah al-Khulasah*, al-Sayyid al-Damad dalam *Ikhtiyar Rijal al-Kashi* dan al-Majlisi dalam *al-Wajizah*. Seorang murid besar kepada al-Majlisi iaitu al-Mirza 'Abd Allah al-Afandi mengatakan, "*Al-Mas'ūdi seorang ulama yang hebat, terkehadapan kalangan ulama Imamiyyah, sezaman dengan al-Sadūq.*" Lihat Abū al-Hasan 'Ali bin al-Husayn bin 'Ali al-Mas'ūdi, *Ithbat al-Wasiyyah* (Qom, Ansariyan, 1426H), Tarjumah al-Mu'allif: 8.

⁵³ Beliau adalah Abū al-Faraj 'Ali bin al-Husayn bin Muhammad bin al-Haytham al-Asfahani (m. 356H). Al-Hurr al-'Amili mengatakan, Abū al-Faraj al-Asfahani seorang Syiah yang pakar dalam bidang nyanyian dan sejarah. Lihat Muhammad bin Hasan al-Hurr al-'Amili, *Amal al-Amil* (Qom: Dar al-Kitab al-Islami, t.t), 2: 372; Karya beliau berjudul *al-Aghani* dan *Maqatil al-Talibiyyin* juga dianggap sebagai dua rujukan Syiah yang muktabar. Lihat Muhsin al-Amin, *A'yan al-Shi'ah* (Beirut: Dar al-Ta'aruf, 1998), 1: 181.

⁵⁴ 'Abd al-Rahman bin Abi Hatim, *al-Jarh wa al-Ta'dil* (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1952), 9: 282.

‘Ashariyyah mendakwa Tanah Fadak telah dikurniakan oleh Rasulullah SAW ketika Baginda masih hidup kepada Fatimah. Ia berdasarkan riwayat al-Bazzar ketika menafsirkan surah al-Isra’ ayat 26 sebagaimana yang dinukilkan dalam sesetengah karya tafsir Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah seperti tafsir *al-Durr al-Manthūr* karangan al-Suyūti. Walau bagaimanapun, hadis yang dijadikan hujah untuk menyokong surah al-Isra’ ayat 26 tersebut adalah palsu. Ibn Kathir menjelaskan hadis yang diriwayatkan al-Bazzar tersebut tidak diketahui periwayatannya daripada Fudayl bin Marzūq kecuali daripada Abū Yahya al-Tamimi dan Humayd bin Hammad bin Abi al-Khuwar. Beliau mengatakan hadis ini bermasalah kerana ayat ini Makkiyyah sedangkan tanah Fadak dibuka ketika peperangan Khaybar pada tahun ketujuh hijrah. Justeru bagaimana untuk menyesuaikan antara pemberian tanah Fadak yang berlaku selepas hijrah dengan ayat ini yang turun sebelum hijrah. Oleh itu, hadis ini mungkar dan ia seakan-akan direka oleh golongan Rafidah⁵⁵. Menurut al-Dhahabi pula, hadis ini zahirnya batil kerana jika benar Tanah Fadak tersebut telah diberikan kepada Fatimah pada ketika hidup Nabi SAW, maka tiada keperluan bagi Fatimah untuk menuntutnya daripada Abū Bakar kerana tanah itu telah pun menjadi milik beliau. Perawi-perawi dalam hadis tersebut juga semuanya daif kecuali ‘Ali⁵⁶. Menurut al-Haithami, dalamnya ada ‘Atiyyah al-‘Awfi, dia adalah perawi yang daif dan *matrūk*⁵⁷.

Kemuncak permusuhan antara Ahl al-Bayt dan para sahabat yang cuba digambarkan oleh Syiah Imamiyyah Ithna ‘Ashariyyah adalah peristiwa kekerasan yang berlaku ke atas ‘Ali dan Fatimah sejurus pelantikan Abū Bakr sebagai khalifah. A. Malik mendakwa peristiwa tersebut dirakamkan dalam karya-karya Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah seperti al-Tabari, Ibn Kathir, Ibn Qutaybah, al-Baladhuri, al-Ya‘qūbi dan al-Muttaqi al-Hindi. Malah diriwayatkan bahawa Abū Bakr sendiri, ketika sedang sakit menyesali perbuatannya yang telah memberi arahan supaya menceroboh rumah Fatimah.

Dakwaan bahawa kisah tersebut diriwayatkan oleh Ibn Kathir dalam *al-Bidayah wa al-Nihayah* adalah tidak tepat kerana kisah tersebut tidak dinukilkan oleh beliau. Bahkan Ibn Kathir menukilkan hadis Abu Nadrah daripada Abū Sa‘id al-Khudri yang dinilai sahih bahawa ‘Ali telah pun memberikan baiah kepada Abū Bakr sebagai khalifah sama ada pada hari pertama atau kedua selepas kewafatan Rasulullah SAW.⁵⁸ Ia sekaligus menunjukkan kebatilan riwayat yang mendakwa Abū Bakr mengutus orang ke rumah ‘Ali untuk memaksa ‘Ali memberikan baiah kepada beliau.

Riwayat yang dinukilkan oleh al-Tabari pula terdapat ‘illah pada dua orang perawinya iaitu Jarir bin Hazim dan Mughirah bin Muqsim. Sebahagian hadis Jarir bin Hazim disifatkan mengandungi kekeliruan (*waham*) menurut Ahmad, al-Tirmidhi dan al-Bukhari.⁵⁹ Mughirah bin Miqsim pula dihukumkan sebagai *mudallis* oleh Ibn Hibban.⁶⁰ Ibn Hajar menyenaraikan Mughirah bin Miqsim sebagai *mudallis* tahap ketiga yang bermaksud hadisnya tidak boleh diterima kecuali jika perawinya menyatakan secara jelas ia mendengarnya.⁶¹ Bermakna, riwayat tersebut tertolak dan tidak boleh dijadikan hujah

⁵⁵ Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur‘an al‘Azim*, 3: 37.

⁵⁶ Shams al-Din al-Dhahabi, *Mizan al-I‘tidal fi Naqd al-Rijal* (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995), 5: 164.

⁵⁷ ‘Ali bin Abi Bakr al-Haythami, *Majma‘ al-Zawa‘id wa Manba‘ al-Fawa‘id* (Beirut : Dar al-Kitab al-‘Arabi, 1407H), 7: 49.

⁵⁸ Abū al-Fida’ bin Kathir, *al-Bidayah wa al-Nihayah* (Beirut: Maktabah al-Ma‘arif, t.t), 5: 249.

⁵⁹ Ahmad bin Hanbal al-Shaybani, *Min Kalam Ahmad bin Hanbal fi ‘Ilal al-Hadith wa Ma‘rifah al-Rijal* (Riyad: Maktabah al-Ma‘arif, 1409H), 56 & 72; al-Tirmidhi, *al-Jami‘ al-Sahih Sunan al-Tirmidhi*, 2: 394; al-Dhahabi, *Mizan al-I‘tidal fi Naqd al-Rijal*, 2: 118.

⁶⁰ Muhammad bin Hibban, *al-Thiqat* (Beirut: Dar al-Fikr, 1975), 7: 464.

⁶¹ Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-‘Asqalani, *Tabaqat al-Mudallisin* (‘Amman: Maktabah al-Mannar, 1983), 46.

kerana ia tidak sabit menerusi riwayat-riwayat yang sahih di sisi Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

Manakala al-Baladhuri pula tidak ada meriwayatkan perincian kisah seperti yang dinukilkan oleh A. Malik bahawa 'Umar membakar pintu rumah 'Ali, menerajang pintu sehingga paku tertusuk ke perut Fatimah lalu menyebabkan kandungannya meninggal dunia. Sebaliknya banyak riwayat yang dinukilkan oleh al-Baladhuri menunjukkan pembaihan 'Ali terhadap Abū Bakr sejak daripada hari pertama Abū Bakr menjadi khalifah. Dalam riwayat Ibn Shihab, 'Ali mengiktiraf kelebihan dan keutamaan Abū Bakr sebagai khalifah, sebaliknya beliau hanya mempersoalkan kaedah pelantikan tersebut yang dibuat tanpa mengambil kira pandangannya sebagai Ahl al-Bayt, namun beliau tetap menghulurkan baihnya.⁶² Dalam riwayat Abū Nadrah pula menyatakan Abū Bakr mengutuskan 'Umar al-Khattab dan Zayd bin Thabit untuk menjemput 'Ali dan Zubayr memberikan baiha kepadanya. Lalu 'Ali dan Zubayr mengikuti kedua-duanya bertemu Abū Bakr dan berbaiha kepadanya tanpa sebarang pertentangan.⁶³ Tidak disebutkan apa-apa peristiwa seperti membakar pintu rumah 'Ali, mencederakan Fatimah dan lain-lain sebagaimana riwayat yang dinukilkan oleh A. Malik Takim.

A. Malik juga menyandarkan riwayat tersebut kepada kitab *Tarikh al-Ya'qūbi*, dengan sangkaan bahawa karya tersebut merupakan salah satu sandaran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dalam bidang sejarah. Dakwaan tersebut tidak tepat kerana *Tarikh al-Ya'qūbi* tidak pernah menjadi sandaran yang muktabar di sisi para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Sementelahan, manhaj al-Ya'qūbi dalam karyanya memiliki kecenderungan yang jelas kepada pegangan Syiah Imamiyyah Ithna 'Ashariyyah. Ketika membentangkan sejarah pemerintahan Islam, beliau tidak mengiktiraf kekhilafahan Abū Bakr, 'Umar dan 'Uthman. Sebaliknya memperakui kekhilafahan 'Ali dan sebelas orang keturunannya yang dilantik menerusi wasiat sebagaimana pegangan Syiah Imamiyyah Ithna 'Ashariyyah. Majoriti para perawi yang menjadi sumber ambilan dalam riwayat beliau juga didapati bermasalah. Antaranya, Ishaq bin Sulayman, tidak diketahui keadaannya; Abū al-Bukhtari, pembohong dan *matrūk*; Aban bin 'Uthman al-Ahmar, perawi dan pengkarya Syiah Imamiyyah; al-Waqidi, *matrūk*; 'Isa bin Yazid, hadisnya mungkar dan *matrūk*; al-Haytham bin 'Adiy, pembohong; Muhammad bin Kathir, penganut Syiah dan hadisnya mungkar.⁶⁴

Demikian juga riwayat tersebut tidak wujud dalam kitab *Kanz al-'Ummal* karya al-Muttaqi al-Hindi seperti didakwa A. Malik. Sebaliknya al-Hindi menukilkan riwayat lain yang berbeza dengan riwayat yang dikemukakan oleh A. Malik. Ia merupakan hadis Aslam yang menyatakan bahawa 'Umar telah mengugut untuk membakar pintu rumah Fatimah jika 'Ali dan Zubayr tidak mahu berbaiha kepada Abū Bakr. Setelah itu kedua-duanya telah menyatakan baiha kepada Abū Bakr.⁶⁵ Hal ini berbeza dengan riwayat yang dinukilkan oleh A. Malik yang mengatakan 'Umar telah membakar pintu rumah Fatimah dan mencederakannya, manakala 'Ali tetap tidak berbaiha kepada Abū Bakr. Walau bagaimanapun, hadis Aslam juga bermasalah kerana terdapat *'illah* yang menyebabkan ia tertolak kerana Aslam tidak pernah melihat peristiwa baiha tersebut. Sebaliknya Aslam merupakan hamba sahaya yang hanya dibeli oleh 'Umar pada tahun kesebelas hijrah ketika beliau dilantik oleh Abū Bakr sebagai pemimpin jemaah haji pada tahun tersebut.⁶⁶

⁶² Ahmad bin Yahya al-Baladhuri, *Ansab al-Ashraf* (Beirut: Dar al-Fikr, 1996), 1: 250-251.

⁶³ *Ibid.*, 252.

⁶⁴ Muhammad bin Samil al-Sulami, *Manhaj Kitabah al-Tarikh al-Islami* (Riyad: Dar Ibn al-Jawzi, 1429H), 471-472.

⁶⁵ 'Ala' al-Din 'Ali al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-'Ummal fi Sunan al-Aqwal wa al-Af'al* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998), 5: 259.

⁶⁶ Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani, *Tahdhib al-Tahdhib* (Beirut: Dar al-Fikr, 1984), 1: 233.

Berdasarkan keterangan di atas, ia menunjukkan A. Malik tidak cermat dalam menuliskan rujukan daripada sumber Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah bagi menyokong pendapatnya yang selari dengan pegangan Syiah Imamiyyah Ithna ‘Ashariyyah. Terdapat beberapa riwayat yang disandarkan kepada karya-karya tersebut namun ia tidak termaktub sama sekali dalam karya-karya berkenaan atau dinukilkan dengan lafaz yang berlainan bahkan adakalanya bertentangan dengan riwayat yang didakwa dirujuk kepada karya tersebut. Jika sekalipun riwayat-riwayat tersebut wujud, ia tidak semestinya mencerminkan pendirian Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah kerana setiap riwayat tertakluk kepada penilaian sanad dan matan bagi menentukan kesahihannya. Lebih kritikal daripada itu, apabila riwayat-riwayat yang didakwa dinukilkan daripada karya-karya Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah, sebenarnya ia bukan karangan ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah, sebaliknya tulisan daripada pengkarya-pengkarya Syiah Imamiyyah Ithna ‘Ashariyyah sendiri.

Adapun riwayat-riwayat yang dikemukakan oleh Khair Izzah bagi menunjukkan kedudukan golongan yang memusuhi ‘Ali, ia tidak sesekali merujuk secara khusus kepada mana-mana kalangan sahabat Rasulullah SAW seperti yang didakwa oleh Syiah Imamiyyah Ithna ‘Ashariyyah. Akan tetapi hadis-hadis sedemikian bertujuan bagi menzahirkan keutamaan atau kemuliaan yang dimiliki oleh seseorang individu atau sesebuah golongan di sisi Rasulullah SAW. Keutamaan atau kemuliaan tersebut berpunca daripada beberapa faktor sama ada hubungan kekerabatan atau persahabatan atau sumbangan tertentu. Justeru, terdapat hadis-hadis lain yang menggunakan ungkapan yang hampir serupa sebagaimana yang diungkapkan kepada ‘Ali. Antaranya, Rasulullah SAW bersabda mengenai kelebihan para sahabatnya:

"اللَّهُ اللَّهُ فِي أَصْحَابِي اللَّهُ اللَّهُ فِي أَصْحَابِي لَا تَتَّخِذُوهُمْ غَرَضًا بَعْدِي فَمَنْ أَحَبَّهُمْ فَبِحَبِي أَحَبَّهُمْ وَمَنْ أَبْغَضَهُمْ فَبِغَضِي أَبْغَضَهُمْ وَمَنْ آذَاهُمْ فَقَدْ آذَانِي وَمَنْ آذَانِي فَقَدْ آذَى اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى وَمَنْ آذَى اللَّهَ فَيُوشِكُ أَنْ يَأْخُذَهُ."

Terjemahan:

“Bertaqwalah kamu kepada Allah pada para sahabatku, bertaqwalah kamu kepada Allah pada para sahabatku. Jangan kamu jadikan mereka sebagai sasaran (untuk dimusuhi) selepas kewafatanku. Sesiapa yang mencintai mereka, maka dengan cintaku, Dia mencintai mereka. Sesiapa yang memarahi mereka, maka dengan kemarahanku, Dia memarahi mereka. Sesiapa yang menyakiti mereka, maka ia telah menyakitiku, sesiapa yang menyakitiku, maka ia telah menyakiti Allah, sesiapa yang menyakiti Allah, maka dibimbangi Dia akan mengazabnya.”⁶⁷

Rasulullah SAW juga pernah bersabda secara khusus buat golongan Ansar sebagai menghargai jasa mereka yang banyak membantu perjuangan Baginda. Rasulullah SAW bersabda:

"مَنْ أَحَبَّ الْأَنْصَارَ أَحَبَّهُ اللَّهُ وَمَنْ أَبْغَضَ الْأَنْصَارَ أَبْغَضَهُ اللَّهُ."

⁶⁷ Hadis riwayat al-Tirmidhi, Kitab al-Manaqib ‘an Rasūlillah, no. hadis: 3862. Lihat *al-Jami‘ al-Sahih Sunan al-Tirmidhi*, 5: 696. Al-Tirmidhi mengatakan hadis ini *gharib*; Ibn Hibban, *Zikr al-Zajr ‘an Ittikhadh al-Mar’ Ashab Rasūl Allah Gharadan bi al-Tanaqqus*, no. hadis: 7256. Lihat *Sahih ibn Hibban bi Tartib Ibn Balban*, 16: 244; Ibn Hanbal, *Hadith ‘Abd Allah bin Mughaffal al-Muzani*, no. hadis: 20568. Lihat *Musnad al-Imam Ahmad*, 5: 54.

Terjemahan:

“Sesiapa yang mencintai golongan Ansar, maka Allah mencintainya. Sesiapa yang membenci golongan Ansar, maka Allah membencinya.”⁶⁸

Berdasarkan beberapa hadis di atas menunjukkan kecintaan dan kebencian Rasulullah SAW bukan sekadar terkhusus kepada kecintaan dan kebencian terhadap Ahl al-Bayt semata-mata. Akan tetapi ia juga meliputi semua individu dan golongan yang memiliki keistimewaan dan kelebihan di sisi Baginda tanpa mengira sama ada ia merupakan Ahl al-Bayt atau tidak. Bahkan terdapat riwayat Rasulullah SAW pernah menunjukan ungkapan yang serupa kepada ‘Ali sendiri ketika ‘Ali berhasrat untuk menikahi anak perempuan Abū Jahl. Hal ini tidak disenangi oleh Fatimah sehingga mengadukan perkara tersebut kepada Rasulullah SAW. Baginda lalu bersabda, “*Fatimah sebahagian daripadaku, sesiapa yang menyebabkan ia marah maka ia menyebabkan aku marah...*”⁶⁹ Mendengar ungkapan tersebut, ‘Ali menarik balik hasratnya untuk menikahi anak perempuan Abū Jahl. Bermakna, ‘Ali juga tidak terlepas daripada kebencian atau kemurkaan Rasulullah SAW sekiranya beliau melakukan sesuatu yang tidak disenangi oleh Baginda, sekalipun beliau memiliki hubungan kekerabatan yang istimewa di sisi Rasulullah SAW.

Mengenai dakwaan Faisal Tehrani yang mendakwa wujud golongan tertentu dalam mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah yang dikatakan berpendirian *tashayyu‘ hasan*, ia merupakan tanggapan kosong. Ini kerana, Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah pada prinsipnya mempunyai posisi yang amat jelas terhadap Ahl al-Bayt. Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah meletakkan kedudukan Ahl al-Bayt pada tempat yang selayaknya sebagaimana termaktub dalam al-Qur’an dan al-Sunnah tanpa bersikap *ifrat* atau *tafrit* terhadap mereka. Ini kerana, sikap yang terlampau taksuf terhadap Ahl al-Bayt atau sebaliknya adalah sesuatu yang ditolak oleh Ahl al-Bayt sendiri. Ia sebagaimana yang diriwayatkan dalam suatu *athar* daripada ‘Ali bin Abi Talib:

"لِيُحِبِّي قَوْمٌ حَتَّى يَدْخُلُوا النَّارَ فِي حُبِّي وَلِيُبْغِضَنِي قَوْمٌ حَتَّى يَدْخُلُوا النَّارَ فِي بُغْضِي."

Terjemahan:

“Akan mencintaiku suatu golongan hingga mereka masuk ke neraka kerana kecintaan kepadaku, dan akan membenciku suatu golongan hingga mereka masuk ke neraka kerana kebencian terhadapku.”⁷⁰

Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah memperakui kelebihan mereka berdasarkan hubungan kekerabatan mereka dengan Rasulullah SAW. Mewajibkan setiap umat Islam untuk mencintai, memuliakan, bersangka baik dan mendoakan mereka. Mengiktiraf

⁶⁸ Hadis riwayat Ibn Hibban, *Zikr Bughd Allah man Abghada Ansar Rasūl Allah*, no. hadis: 7273. Lihat *Sahih ibn Hibban bi Tarīb Ibn Balban*, 16: 262; Ibn Majah, Bab fi Fada’il Ashab Rasūl Allah, *Fadl al-Ansar*, no. hadis: 163. Lihat Muhammad bin Yazid (t.t), *Sunan Ibn Majah* (Beirut: Dar al-Fikr, t.t), 1: 5; Ahmad, *Musnad Abi Hurayrah*, no. hadis: 10515. Lihat *Musnad al-Imam Ahmad*, 2: 501. Shu‘ayb al-Arna’ūt mengatakan hadis ini *sahih li ghayrih* dan sanadnya *hasan*.

⁶⁹ Hadis riwayat al-Bukhari, *Kitab Fada’il al-Sahabah*, Bab Manaqib Qarabah Rasūl Allah, no. hadis: 3510. Lihat *al-Jami‘ al-Sahih al-Mukhtasar*, 3: 1361; Muslim, *Kitab Fada’il al-Sahabah*, Bab Fada’il Fatimah bint al-Nabi, no. hadis: 2449. Lihat *Sahih Muslim*, 4: 1903.

⁷⁰ Hadis riwayat Ibn Abi Shaybah, *Kitab al-Fada’il*, Fada’il ‘Ali bin Abi Talib, no. hadis: 32133. Lihat ‘Abd Allah bin Muhammad, *al-Kitab al-Musannaf fi al-Ahadith wa al-Athar* (Riyad: Maktabah al-Rushd, 1409H), 6: 374.

mereka sebagai zuriat keturunan yang paling suci di atas muka bumi, lebih-lebih lagi apabila mereka mengikuti sunnah yang diwariskan oleh Rasulullah SAW.⁷¹ Pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah ini didasari oleh pegangan generasi terdahulu. Antaranya *athar* Abū Bakr yang mengatakan:

"وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَقَرَابَةٌ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ أَحَبُّ إِلَيَّ أَنْ أَصِلَ مِنْ قَرَابَتِي."

Terjemahan:

"Demi diriku yang berada dalam genggamannya, bahawa kerabat Rasulullah SAW lebih aku cintai untuk aku hubungkan berbanding kerabatku."⁷²

Justeru, dakwaan yang mengatakan terdapat golongan dalam kalangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang selari dengan pegangan Syiah Imamiyyah Ithna 'Ashariyyah dikenali sebagai *tashayyu' hasan* adalah tidak benar. Ini kerana, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah telah pun memiliki pendirian dan pegangan yang jelas terhadap Ahl al-Bayt. Sebarang pendirian yang berbeza adalah di luar daripada kerangka pemikiran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, sebaliknya ia berkemungkinan merupakan kesan daripada pengaruh asing yang cuba dibawa masuk ke dalam struktur pemikiran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang telah mapan.

KESIMPULAN

Syiah Imamiyyah Ithna 'Ashariyyah secara konsisten menolak prinsip keadilan para sahabat dengan meletakkan kecintaan dan permusuhan terhadap Ahl al-Bayt sebagai ukuran. Walau bagaimanapun, amat terserlah kepincangan hujah-hujah yang dikemukakan oleh karya-karya Syiah Melayu bagi mengujudkan persepsi permusuhan antara Ahl al-Bayt dan para sahabat. Justeru, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah mengambil langkah yang amat berhati-hati dalam menerima setiap riwayat sama ada berupa hadis, kisah atau peristiwa yang menggambarkan permusuhan dan persengketaan antara para sahabat dan Ahl al-Bayt. Setiap riwayat yang menzahirkan permusuhan 'Ali dan Ahl al-Bayt terhadap tiga orang khalifah sebelumnya dan para sahabat lain perlu dinilai berdasarkan ilmu periwayatan hadis. Menerusi analisis yang dilakukan terhadap tiga karya Syiah Melayu tersebut, banyak pengkhianatan ilmiah dalam menyandarkan sesebuah karya atau riwayat atau pendapat itu kepada Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Antaranya seperti menyandarkan rujukan Syiah kepada rujukan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, menukilkan perkataan yang tidak wujud dalam sumber yang dirujuk, menyandarkan sesuatu pendapat atau riwayat kepada karya ulama tertentu sedangkan ulama tersebut sekadar menghimpunkan pelbagai pendapat sebelum memilih salah satu daripadanya dan menukilkan sesebuah riwayat tetapi mendiamkan komentar ulama yang meriwayatkannya.

⁷¹ Abū Ja'far al-Tahawi, *Matn al-'Aqidah al-Tahawiyyah* (Beirut: al-Maktab al-Islami, 1978), 58; Muhammad bin al-Husayn al-Ajiri, *al-Shari'ah* (Riyad: Dar al-Watan, 1999), 5: 2276; Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, 4: 114.

⁷² Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab Fada'il al-Sahabah, Bab Manaqib Qarabah Rasūl Allah, no. hadis: 3508. Lihat *al-Jami' al-Sahih al-Mukhtasar*, 3: 1360; Muslim, Kitab al-Jihad wa al-Siyar, Bab Qawl al-Nabi La Nuwaarith ma tarakna fahuw sadaqah, no. hadis: 1759. Lihat *Sahih Muslim*, 3: 1380.

BIBLIOGRAFI

- A. Malik Takim, “Dialog Tertutup Ahlus Sunnah Waljamaah dan Syiah bertajuk: Perbezaan-perbezaan Aqidah Ahlus Sunnah Waljamaah dengan Aqidah Syiah berdasarkan al-Quran”, *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*, 18 Mac 2013.
- Ahmad bin Yahya al-Baladhuri, *Ansab al-Ashraf*. Beirut: Dar al-Fikr, 1996
- Al-Ajiri, Muhammad bin al-Husayn, *al-Shari‘ah*. Riyad: Dar al-Watan, 1999.
- Al-Amin, Muhsin, *A‘yan al-Shi‘ah*. Beirut: Dar al-Ta‘aruf, 1998.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Isma‘il, *al-Jami‘ al-Sahih al-Mukhtasar*. Beirut: Dar Ibn Kathir, 1987.
- Al-Ghazali, Abū Hamid, *al-Mustasfa fi ‘Ilm al-Usūl*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1413H.
- Al-Haythami, ‘Ali bin Abi Bakr, *Majma‘ al-Zawa‘id wa Manba‘ al-Fawa‘id*. Beirut : Dar al-Kitab al-‘Arabi, 1407H.
- Al-Hurr al-‘Amili, Muhammad bin Hasan, *Amal al-Amil*. Qom: Dar al-Kitab al-Islami, t.t.
- Al-Hakim, Muhammad bin ‘Abd Allah, *al-Mustadrak ‘ala al-Sahihayn*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1990.
- Al-Khatib al-Baghdadi, Abū Bakr, *al-Kifayah fi ‘Ilm al-Riwayah*. Madinah: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, t.t.
- Al-Maqdisi, ‘Abd Allah bin Qudamah, *Rawdah al-Nazir wa Jannah al-Manazir*. Riyad: Jami‘ah al-Imam Muhammad bin Sa‘ūd, 1399h.
- Al-Mas‘ūdi, Abū al-Hasan ‘Ali bin al-Husayn bin ‘Ali, *Ithbat al-Wasiyyah*. Qom, Ansariyan, 1426H.
- Al-Muttaqi al-Hindi, ‘Ala’ al-Din ‘Ali, *Kanz al-‘Ummal fi Sunan al-Aqwal wa al-Af‘al*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998.
- Al-Nasafi, Abū al-Barakat, *Tafsir al-Nasafi*. Beirut: Dar al-Nafa’is, 2005.
- Al-Nasa’i, Ahmad bin Shu‘ayb, *al-Sunan al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1991.
- Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath ‘Arabi, 1392.
- Al-Qurtubi, Abū ‘Abd Allah, *al-Jami‘ li Ahkam al-Qur’an al-Karim*., Kaherah: Dar al-Sha‘b, t.t.
- Al-Qurtubi, Yūsuf bin ‘Abd Allah, *al-Istidhkar al-Jami‘ li Madhahib Fuqaha’ al-Amsar*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000.
- Al-Razi, Fakhr al-Din, *al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000.
- Al-Shahrazūri, ‘Uthman bin ‘Abd al-Rahman, *Muqaddimah Ibn al-Salah fi ‘Ulūm al-Hadith*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu‘asir, 1977.
- Al-Shawkani, Muhammad bin ‘Ali, *Fath al-Qadir*. Beirut: Dar al-Fikr, t.t.
- Al-Sulami, Muhammad bin Samil, *Manhaj Kitabah al-Tarikh al-Islami*. Riyad: Dar Ibn al-Jawzi, 1429H.
- Al-Suyūti, Jalal al-Din, *al-Durr al-Manthūr*. Beirut: Dar al-Fikr, 1993.
- Al-Tabari, Muhammad bin Jarir, *Jami‘ al-Bayan fi Ta’wil Ay al-Qur’an*. Beirut: Dar al-Fikr, 1405H.
- Al-Tahawi, Abū Ja‘far, *Matn al-‘Aqidah al-Tahawiyyah*. Beirut: al-Maktab al-Islami, 1978.
- Al-Tha‘labi, Ahmad bin Muhammad bin Ibrahim al-Tha‘labi, *al-Kashf wa al-Bayan ‘an Tafsir al-Qur’an*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, 2002.
- Al-Tirmidhi, Muhammad bin ‘Isa, *al-Jami‘ al-Sahih*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, t.t.

- Faisal Tehrani, *Perempuan Nan Bercinta*, Kuala Lumpur: ITBM, 2012.
- Ibn ‘Abd al-Barr, Yūsuf bin ‘Abd Allah, *al-Isti‘ab fī Ma‘rifah al-Sahabah*. Beirut: Dar al-Jil, 1412h.
- Ibn Abi Hatim ‘Abd al-Rahman, *al-Jarh wa al-Ta‘dil*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, 1952.
- Ibn al-Athir, al-Mubarak bin Muhammad, *Jami‘ al-Usūl fī Ahadith al-Rasūl*. Damsyik: Maktabah Dar al-Bayan, 1969.
- Ibn Hajar al-‘Asqalani Ahmad bin ‘Ali, *al-Isabah fī Tamyiz al-Sahabah*. Beirut: Dar al-Jil, 1992.
- _____, *Tabaqat al-Mudallisin*. ‘Amman: Maktabah al-Mannar, 1983.
- _____, *Tahdhib al-Tahdhib*. Beirut: Dar al-Fikr, 1984.
- Ibn Hanbal, Ahmad, *Min Kalam Ahmad bin Hanbal fī ‘Ilal al-Hadith wa Ma‘rifah al-Rijal*. Riyad: Maktabah al-Ma‘arif, 1409H.
- _____, *Musnad al-Imam Ahmad*. Kaherah: Mu’assasah Qartabah, 2011.
- Ibn Hibban, Muhammad, *al-Thiqat*. Beirut: Dar al-Fikr, 1975.
- _____, *Sahih ibn Hibban bitartib Ibn Balban*. Beirut: Mu’assasah al-Risalah, 1993.
- Ibn Kathir, Abū al-Fida’, *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Beirut: Maktabah al-Ma‘arif, t.t.
- _____, *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*. Beirut: Dar al-Fikr, 1401H.
- Ibn Khuzaymah, Muhammad bin Ishaq, *Sahih Ibn Khuzaymah*. Beirut: al-Maktab al-Islami, 1970.
- Ibn Majah, Muhammad bin Yazid, *Sunan Ibn Majah*. Beirut: Dar al-Fikr, t.t.
- Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*. t.t.p. : Al-Muntazar Resources, 2011.
- Muhammad, ‘Abd Allah, *al-Kitab al-Musannaf fī al-Ahadith wa al-Athar*. Riyad: Maktabah al-Rushd, 1409H.
- Muslim bin al-Hajjaj, *Sahih Muslim*. Beirut : Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, t.t.
- Qadirah Salim, “al-Sayyid ‘Ali al-Hamadani wa Khadamatuh al-‘Ilmiyyah wa al-Fikriyyah”, *Majallah al-Qism al-Arabi, University of The Punjab, Lahore. 19 2012*.
- Sanad, Muhammad, *‘Adalah al-Sahabah*. Beirut: Dar al-Mahajjah al-Bayda’, 2004.
- Shams al-Din al-Dhahabi, *Mizan al-‘Itidal fī Naqd al-Rijal*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995.
- “Senarai Perintah Larangan”, Kementerian Dalam Negeri, <http://epq.kdn.gov.my/epq/index.php?mod=public&opt=pl>. 15 Mei 2015.